

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

SAU203 - Psikologi Sosial

Masa: [3 jam]

Pilih **TIGA** soalan sahaja.

1. (i) Atribusi adalah proses menjelaskan punca-punca tingkahlaku manusia.

Maklumat berikut diberikan kepada anda:

"Amin takut anjing itu. Dia tidak takut kepada anjing-anjing lain. Dari dahulu lagi Amin takut kepada anjing itu".

Dengan menggunakan model Kelley, adakah anda akan mengatakan bahawa ketakutan Amin itu berdasarkan punca dalaman atau punca luaran? Bincangkan.

[60 markah]

- (ii) Apakah bias yang sering dibuat oleh individu dalam atribusi? Terangkan.

[40 markah]

2. Ali seorang doktor perubatan tetapi beliau juga seorang yang kuat menghisap rokok. Tingkahlaku yang begini adalah bercanggah dengan sikap profesionalnya yang cuba mempertingkatkan kesihatan orang ramai.

- (i) Mengikut teori konsistensi kognitif, ini tidak akan berlaku. Bagaimana Ali masih boleh mengekalkan tingkahlaku begini? Bincangkan.

[50 markah]

- (iii) Bagaimana anda boleh mengubah tingkahlaku Ali ini? Bincangkan.

[50 markah]

3. Bukti menunjukkan perbuatan bunuh diri meningkat selepas berita mengenai personaliti yang terkenal membunuh dirinya, disiarkan. Contohnya, beberapa hari selepas kematian Marilyn Monroe, kadar bunuh diri di Amerika Syarikat meningkat 12%. Ahli sosiologi Phillips (1974) menentukan bahawa perbuatan bunuh diri ini terjadi hanya selepas berita itu disiarkan.

- (i) Kenapa dan bagaimana ini boleh berlaku? Bincangkan.

[50 markah]

- (ii) Merujuk kepada metodologi psikologi sosial, apakah kesimpulan yang anda boleh buat berdasarkan data korelasi seperti ini? Bincangkan.

[50 markah]

4. (i) Kenapa eksperimen Asch dianggap satu eksperimen yang klasik dalam bidang pengaruh sosial? Bincangkan.

[50 markah]

- (ii) Apakah hubungan eksperimen ini dengan eksperimen kepatuhan (obedience) yang dilakukan oleh Milgram? Bincangkan.

[50 markah]

5. Atan sedang mempertimbangkan tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya atau ke Universiti Islam Antarabangsa. Konflik timbul kerana kedua-dua Universiti ini mempunyai kekuatan serta kelemahan masing-masing. Berdasarkan alternatif ini, Atan memilih Universiti Islam Antarabangsa. Apabila keputusan ini dibuat, konflik tersebut diselesaikan tetapi disonans kognitif pula timbul.

- (i) Terangkan disonans kognitif yang dimaksudkan dalam kes ini?

[40 markah]

(ii) Bagaimana disonans ini boleh diselesaikan? Bincangkan.

[60 markah]

6. Freud telah menghujahkan bahawa pantang larang (taboo) terhadap inses (incest) adalah perlu kerana tarikan di dalam keluarga adalah begitu kuat. Kenapa keadaan ini mungkin benar? Bincangkan.

[100 markah]

7. Parkinson (1957) mengatakan dalam "Law of Triviality" yang beliau kemukakan, apabila satu jawatankuasa atau komiti membincangkan mengenai hal kewangan, "masa yang diagihkan kepada sesuatu item dalam agenda itu adalah berbentuk kadar songsang terhadap jumlah yang terlibat". ("The time spent on any item of the agenda will be in inverse proportion to the sum involved").

Merujuk kepada kes di atas, apakah yang beliau maksudkan mengenai kualiti pembuatan keputusan dalam kumpulan? Bincangkan.

[100 markah]

- oo o0o oo -